

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 March 2016

Bagi pastikan nasib warga peneroka Felda terus terbela – Perdana Menteri

Um - 15/3/2016

Jana sosio-ekonomi

Oleh **MOHAMMAD
YASIR JAAFAR**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu Felda menjadi kuasa penjana sosio-ekonomi terunggul di negara ini bagi memastikan nasib warga peneroka terus terbela.

Menurut Perdana Menteri, usaha itu penting kerana perjuangan agensi berkenaan merentasi pelbagai generasi.

“Kita tidak patut ada noktah pada perjuangan ini. Saya mahu Felda menjadi sebuah *Social Economic Power House*.”

“Sebab itu kita bangunkan Felda, kita buat Felda Global Ventures (FGV) dan macam-macam lagi, kita akan fikirkan banyak lagi me-

mastikan manfaat ini dirasai oleh generasi kedua, ketiga dan seterusnya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pertubuhan Kami Anak Felda (KAF), buku *Kesejahteraan Adiwangsa Felda*, Tabung Mişi Kemanusiaan Wada-Kemboja dan Program Prihatin Jantung Anda di Menara Felda di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Presiden KAF, Fakhurrrazi Mohd. Habib.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mahu Felda menjadi kuasa penjana politik kerajaan demi memastikan pembangunan agensi itu terus diberi keutamaan dan diperkukuhkan.

“Kalau tiada kuasa politik, tiada

Felda. Macam kumpulan ‘deklarsi rakyat’, ingat mereka sayang Felda. Jangan harap mereka hendak bangun apatah lagi tolong Felda,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib turut mengulas politik persepsi yang semakin berleluasa di negara ini.

“Soal persepsi...kita kena yakin dan banyak juga cerita tidak boleh percaya.

“Macam di Johor baru-baru ini, mereka cakap Sultan Johor tidak mahu bersalam dengan saya. Itu tidak benar, macam mana saya tidak salam, saya naik kereta sekali, makan sekali tetapi orang buat cerita tidak betul.

“Jadi kalau anda yakin bahawa kerajaan terus membela selama ini, kita akan teruskan, jika anda bantu saya, saya akan bantu tuan,” ujar Perdana Menteri.



Sebab itu kita bangunkan Felda, kita buat Felda Global Ventures (FGV) dan macam-macam lagi, kita akan fikirkan banyak lagi memastikan manfaat ini dirasai oleh generasi kedua, ketiga dan seterusnya.”

**NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri**